

Negeri Sembilan sedia insentif, khas perkasa Adat Perpatih

Langkah pastikan adat terus subur diamalkan dalam pelbagai aspek kehidupan rakyat

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Kerajaan negeri terus komited memperkasakan Adat Perpatih yang menjadi amalan dalam kehidupan seharian masyarakat di Negeri Sembilan.

Adat berasal dari Minangkabau bermula sejak abad ke-14 itu terus diamalkan hingga hari ini meliputi aspek kehidupan harian, budaya, ikatan kekeluargaan, harta pusaka, makanan, sosial, ekonomi dan kepemimpinan.

Usaha kerajaan negeri memperkasakan lagi adat yang diwarisi sejak sekian lama itu bukan sekadar memberi galakan kepada masyarakat mengamalkannya, malah terdapat peruntukan khusus diberikan bagi tujuan itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kerajaan negeri mewujudkan dana khas bagi memperkasakan Adat Perpatih berjumlah RM500,000 setahun.

Katanya, selama tempoh empat tahun sejak 2019, lebih daripada RM2 juta sudah disalurkan kepada Luak beradat, jabatan dan agensi yang berkaitan bagi menggerakkan pelbagai aktiviti ber-cirikan Adat Perpatih.

"Kita (kerajaan negeri) tidak mengabaikan tanggungjawab memperkasakan Adat Perpatih kerana adat ini yang diwarisi sejak turun-temurun menjadi identiti penting Negeri Sembilan.

"Tindakan segelintir pihak yang mendakwa bahawa kerajaan



Merewar biasanya bendera yang terdapat tiga warna iaitu kuning, merah dan hitam iaitu kebiasaan dipasang atau digunakan dan dikibarkan bagi mengalu-alukan kehadiran tetamu pada Majlis Adat di setiap luak.

an negeri tidak mempunyai daya usaha untuk memperkasakan Adat Perpatih adalah tidak benar.

"Pelbagai usaha dilaksanakan bagi menyuburkan lagi adat berkenaan dalam segenap lapisan masyarakat, termasuk kalangan generasi muda selain memartabatkan sejarah di Negeri Sembilan melalui usaha pemuliharaan dan pemuliharaan bangunan serta rumah warisan negeri," katanya kepada BH.

Suburkan Adat Perpatih

Aminuddin berkata, menerusi projek pemuliharaan bangunan dan rumah warisan negeri, pihaknya sudah membelanjakan sebanyak RM4 juta tahun ini bagi membaiki bangunan dan rumah warisan di negeri itu.

Beliau berkata, projek berkenaan yang mula diperkenalkan tahun lalu sebagai sebahagian daripada usaha memperkasakan Adat Perpatih.

Katanya, ia selari dengan usaha memastikan binaan bangunan serta rumah yang mempunyai nilai sejarah tinggi di negeri

ini dikekalkan.

"Sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan pada tahun lalu dan RM1 juta lagi pada tahun ini bagi merealisasikan projek berkenaan.

"Setakat ini, tiga rumah serta dua masjid dibaik pulih, iaitu Masjid Warisan Kampung Terusan di Kuala Pilah; Masjid Warisan Kampung Kuala Serdang,

Kuala Pilah; Rumah Warisan Puan Norami, Rembau; Rumah Warisan Puan Norlida Idris, Kuala Pilah dan Rumah Warisan Puan Jalilah Buang di Jelebu.

"Pemuliharaan dan pemuliharaan bangunan juga meliputi rumah warisan Dato' Klana Petra Hashim di Pantai dan bangunan Moi Kong Ng Shook Fui Kon di Temiang, Seremban," katanya.



Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun beramah mesra dengan Ibu Soko yang hadir pada Program Keilmuan dan Olek Ibu Soko Adat Lingkungan Istana Besar Seri Menanti serta Luak Tanah Mengandung.



Lancang adalah binaan buluh, kayu, pelepah rumbia dan rotan berbentuk perahu. Dihias dengan pelbagai kertas warna mengikut motif tersendiri. Bahagian tengah dipasang batang pisang yang mana bunga telur disusun sebagai hiasan dan kuih muih dijadikan cenderamata kepada tetamu yang datang ke majlis Adat Kepimpinan dan Olek.

Beliau berkata, projek itu turut membabitkan pakar dari Politeknik Port Dickson bagi memastikan keaslian binaan berkenaan.

Menurutnya, pihak kontraktor yang terbabit bagi proses pembaikan juga menggunakan kaedah sama sebagaimana digunakan tukang pada zaman dahulu, untuk memastikan keaslian bangunan berkenaan.

Katanya, usaha itu bukan sahaja untuk memastikan setiap alamen Adat Perpatih terus subur dan dipertahankan di Negeri Sembilan, malah ia selari dengan aspirasi Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN 2021) dalam memacu industri seni, budaya dan warisan negara ini.

"Usaha pemuliharaan dan pemuliharaan bangunan serta rumah warisan ini juga merangsang pihak pengkaji dan golongan karyawan tempatan menjadikan tempat berkenaan sebagai rujukan dalam mendalami seni bina warisan terbabit," katanya.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri juga turut menyediakan inisiatif sebanyak RM1 juta bagi membina Dataran Adat Perpatih yang terletak di pekarangan Muzium Negeri di sini.

Beliau berkata, dataran berkenaan berfungsi sebagai tempat berkumpulnya ahli sejarah, masyarakat adat dan penggemar warisan adat melaksanakan program.

Aktiviti perkasaan adat

Selain itu, katanya keperluan semua Luak untuk menjalankan aktiviti di kawasan masing-masing turut diberikan perhatian.

Menurutnya, usaha ini dilakukan untuk memastikan bukan sahaja kepemimpinan adat itu, tetapi teras adat juga dapat dipelihara dan diperkasakan.

"Banyak tapak sejarah antaranya tapak megalitik, tokoh Adat, ulama, bangunan rumah tradisional, cerita rakyat luak, sejarah luak, laluan sejarah dan lain-lain perlu dikaji.

"Justeru, kerajaan negeri melalui Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) sentiasa bekerjasama dan membantu dalam membiayai kajian berkenaan dengan kaedah sedia ada," katanya.

Mengulas mengenai usaha membangunkan Adat Perpatih supaya adat itu dapat terus diwarisi dan disemai dalam sanubari generasi akan datang, Menteri Besar berkata, pelbagai usaha dilaksanakan termasuk mengadakan pengwujudan Kelab Adat Perpatih di sekolah-sekolah.



Caklempung atau talempung adalah satu daripada alat muzik di Negeri Sembilan yang dimainkan ketika majlis adat, Olek dan perkahwinan.